

## TINJAUAN LITERATUR TERHADAP PERSEMBAHAN TARIAN DI MASA PANDEMIK COVID-19 SECARA DIGITAL (ONLINE) DENGAN MENGEKALKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

### *LITERATURE REVIEW ON DIGITAL (ONLINE) COVID-19 PANDEMIC DANCE PERFORMANCE BY MAINTAINING STANDARD OPERATING PROCEDURES*

Sri Ningsih Sukirman<sup>1</sup>  
Jabil Mapjabil<sup>2</sup>  
Maryama Ag. Daud<sup>3</sup>  
Rosli Sareya<sup>4</sup>  
Soffriezan Yahya<sup>5</sup>  
Patricia Jipoh<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: ningsih@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Institiut Kajian Orang Asal Borneo (BORIAs), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: jabil@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
(Email: zachdyg@msn.com)

<sup>4</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
(E-mail: rosli80@ums.edu.my)

<sup>5</sup> Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah  
(Email: eizan80@yahoo.com)

<sup>6</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
(Email: patriciacyia@gmail.com)

#### Article history

Received date : 13-3-2021  
Revised date : 14-3-2021  
Accepted date : 4-7-2021  
Published date : 14-7-2021

#### To cite this document:

Sri Ningsih Sukirman, Jabil Mapjabil, Maryama Ag. Daud, Rosli Sareya, Soffriezan Yahya & Patricia Jipoh (2021). Tinjauan Literatur terhadap persembahan tarian di masa pandemik Covid-19 secara digital (Online) dengan mengekalkan prosedur operasi standard. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6 (37), 170 – 177.

---

**Abstrak:** Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia yang mula dikesan pada akhir bulan Januari 2020 lalu telah memaksa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang seterusnya dilanjutkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 18 Mac 2020. Memandangkan pengalaman PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang sehingga ia didapati memberikan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi negara. Salah satu sektor berkenaan adalah industri media, seni dan hiburan. Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP didapati memberikan kesan yang mendalam terutamanya terhadap penggiat seni di negeri Sabah. Asas permasalahan kajian ini

*didasarkan pada bagaimanakah mereka mempersembahkan tarian secara digital (online) dengan mengekalkan prosedur operasi standard selain menggunakan pelitup muka kerana persembahan tarian perlu menonjolkan reaksi penari bagi menyampaikan mesej persembahan dan apakah cabaran yang akan dihadapi sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ? Kajian ini menggunakan sorotan literatur yang berkaitan dengan isu pandemik COVID-19 dan industri media, seni dan hiburan.*

***Kata Kunci:*** Tarian, Pandemik, Covid-19, Prosedur Operasi Standard

***Abstract:*** *The COVID-19 Contagion Pandemic in Malaysia which was first detected at the end of January 2020 has forced the government to carry out a Movement Control Order (PKP) which was later extended to a Conditional Movement Control Order (PKPB) and followed by a Rehabilitation Movement Control Order (PKPP). 18 March 2020. Given that this PKP experience is the first time for the public and the long time it has given give impact to various sectors of the national economy One of the related sectors is the media, arts and entertainment industries. The spread of the COVID-19 pandemic and the implementation of the PKP had a profound effect on art activists in Sabah. The basis of the problem of this study is based on how they present the dance digitally (online) using standard operating procedures in addition to using face masks because the dance needs to highlight the reaction of dancers to convey the message and problems that will be faced during the COVID-19 pandemic? This study uses literature highlights related to the COVID-19 pandemic issue and the media, arts and entertainment industries.*

***Keywords:*** Dance, Pandemic, Covid-19, Standard Operating Procedures

---

## **Pengenalan**

Sejarah penularan virus COVID-19 bermula pada 31 Disember 2019 apabila pihak berkuasa negara China telah melaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tentang jangkitan penyakit radang paru-paru (*pneumonia*) yang puncanya tidak diketahui di bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China. Pada peringkat permulaan fasa, kebanyakan kes daripada kluster awal ada hubungan epidemiologikal dengan pasar menjual haiwan hidup iaitu di Pasar Huanan, China Selatan yang disyaki kemungkinan punca asal zoonotik tersebut (World Health Organization, 2020). Selepas penularan wabak ini semakin meningkat secara drastik di kebanyakan negara, WHO telah mengisytiharkannya sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Sehingga 20 Jun 2021, hampir mencecah lebih 178 juta kes positif COVID-19 dengan melebihi 3.86 juta kes kematian di seluruh dunia (World Health Organization, 2020).

Di Malaysia, rekod penularan pandemik COVID-19 bermula pada penghujung bulan Januari 2020. Wabak COVID-19 di negara ini mula menular selepas salah seorang peserta ijtihak tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh 16,000 orang peserta (pada 27 Februari hingga 1 Mac) telah disahkan positif COVID-19 pada 11 Mac. Sehingga 20 Jun 2021, sebanyak 696,408 orang disahkan positif COVID-19 dan melibatkan 4408 kes kematian di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang proaktif, sistematik dan berintegrasi dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, iaitu bermula pada 18 Mac sehingga 31 Ogos akan datang. Pendekatan pelaksanaan PKP ini melalui beberapa fasa, iaitu (i) PKP Fasa 1 : 18 Mac – 31 Mac 2020; (ii) PKP Fasa 2 : 1 April – 14 April 2020; (iii) PKP Fasa 3 : 15 April – 28 April 2020 dan (iv) PKP

Fasa 4 : 29 April – 12 Mei 2020. Sebelum PKP Fasa 4 berakhir, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilancarkan pada 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Pada masa ini, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sedang dilaksanakan bermula pada 10 Jun dan akan berakhir pada 31 Disember 2020. Pada masa ini, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan diseluruh Malaysia.

### **Konsep Pandemik Covid-19**

Pandemik merupakan wabak penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, tetapi ia mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua malah seluruh dunia. Sesuatu pandemik bermula daripada wabak peringkat epidemik yang merebak terlalu luas sehingga tidak terkawal (World Health Organization, 2011). COVID-19 merupakan SARS-CoV-2 iaitu virus yang menyebabkan wabak COVID-19 adalah ahli paling terkini dalam famili coronavirus. Virus ini lazimnya ditemui dalam badan manusia dan mamalia lain. Data terbaharu menunjukkan wabak COVID-19 adalah paling mudah berjangkit tetapi kurang berkemungkinan menyebabkan gejala klinikal yang teruk dan menyebabkan kematian berbanding wabak SARS dan MERS (Jennifer, 2020)

### **Tinjauan Bahan Literatur**

PANDEMIK Covid-19 yang melanda seluruh dunia sehingga Jun 2021 ini termasuk Malaysia membuatkan banyak aktiviti seni budaya termasuklah persembahan tarian yang merangkumi penyemarakan, pemeliharaan dan pemuliharaan terpaksa dibatalkan. Dalam tempoh pandemik ini, hampir kesemua sektor ekonomi dan sosial di kebanyakan negara turut terjejas. Secara umumnya, fokus kajian ini adalah untuk meneliti impak pandemik terhadap salah satu sektor ekonomi yang turut terjejas teruk iaitu industri media, seni dan hiburan termasuklah persembahan tarian. Pada masa ini, kebanyakan literatur yang diterbitkan lebih tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti jenis virus, punca, ciri-ciri dan analisis klinikal berkaitan dengan virus COVID-19 (Smith et al., 2020; Jeniffer, 2020; Wu & McGoogan, 2020; UNCTAD, 2020; Ying Liu et al., 2020 dan Kai & Jon, 2020). Kajian ilmiah tentang hubungan isu pandemik dan industri media, seni dan hiburan adalah kurang dan terhad. Antara yang relevan adalah artikel tulisan Moon (2020) yang diterbitkan dalam *International Digital Organization for Scientific Research – IDOSR Journal of Experimental Sciences*. Hal ini sangat membantu sebagai sumber literatur pengkaji dalam penyelidikan ini.

Pandemik Covid-19 memberikan impak terhadap penawaran, penggunaan dan pengiklanan media di seluruh dunia. Salah satu sektor yang paling terkesan di Malaysia ialah Jabatan Dan Kesenian (JKKN) Sabah yang harus menghadkan aktiviti budaya mereka akibat penularan Covid-19 yang amat serius. Bukan itu sahaja, malahan perancangan mereka untuk mengadakan pelbagai aktiviti secara fizikal seni budaya, merangkumi peringkat kampung, daerah, negeri dan kebangsaan juga terkesan dan terpaksa ditangguhkan atas nasihat serta saranan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kesan daripada wabak ini turut menjejaskan sumber pendapatan penggiat seni budaya yang menjalankan aktiviti seni budaya secara separuh dan sepenuh masa. Namun begitu, bagi meneruskan aktiviti seni budaya di se seluruh negeri, JKKN Sabah mengadakan pelbagai program berkonsepkan norma baharu menerusi dalam talian (online) sama ada secara langsung ataupun rakaman. Platform yang digunakan oleh JKKN Sabah ialah Facebook dan Youtube serta mereka juga mengadakan satu program yang dikenali sebagai Live@JKKN Sabah yang berbentuk bual bicara pada setiap Isnin hingga Jumaat dari jam 10 pagi hingga 11.30 pagi yang

disiarkan secara langsung. Selain itu, terdapat juga program penyerlahan bakat dalam tarian, muzik, nyanyian, lakonan dan deklamasi puisi yang dikenali sebagai Konsert Bakat Online yang disiarkan secara langsung pada setiap Sabtu jam 9 malam. Program tersebut bertujuan untuk menggalakkan seluruh rakyat Malaysia berkarya menggunakan platform digital dalam pengalaman norma baharu (Jasmit Rasit, 2020).

Situasi ini juga sedikit sebanyak telah menjejaskan industri pelancongan negara secara amnya dan para penggiat seni dan budaya. Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), dianggarkan hampir 2,629 penggiat seni dan budaya terjejas terutamanya daripada aspek pendapatan sepanjang pelaksanaan PKP. Disebabkan Covid-19, negara terpaksa melaksanakan PKP dan PKPP yang melarang orang ramai berkumpul dalam jumlah ramai. Situasi ini telah memberikan kesan kepada industri seni dan kebudayaan tempatan kerana banyak acara yang dirancang sepanjang tahun tidak dapat dilaksanakan termasuklah program yang dirancang untuk menyokong sektor pelancongan seperti Program Pelancongan Budaya sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 yang dilaksanakan oleh JKKN. Disebabkan Covid-19, mereka terpaksa mengadakan pertandingan secara online seiring dengan teknologi pada masa kini. Mereka juga telah melaksanakan beberapa program dan aktiviti seni budaya secara online PKP dan PKPP. Disebabkan rakyat diminta duduk di rumah semasa PKP, media sosial menjadi medium terbaik dalam menyampaikan sebarang maklumat, hebahan dan membuat publisiti. Pelaksanaan program seni dalam talian sempena PKP tersebut telah mendapat jumlah penyertaan keseluruhan sebanyak 1,950. Pertandingan Seni Dalam Talian tersebut mencatatkan sebanyak 1860 penyertaan manakala jumlah penyertaan bagi program manifestasi pula adalah 90 penyertaan. Sepanjang tahun 2020, JKKN tidak melaksanakan sebarang program melibatkan peserta dan pengunjung ramai. Walaubagaimanapun, program berbentuk persembahan rakaman, pembelajaran dan kemahiran yang melibatkan NGO dan kerajaan serta program ilmiah berskala kecil tetap diteruskan mengikut SOP ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). JKKN juga telah mewujudkan SOP bersesuaian dengan bidang tugas mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Ianya melibatkan tatacara dan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan semasa mengunjungi premis serta fasiliti awam kebudayaan. Misalnya, audiens auditorium perlulah tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah sebenar kapasiti pelawat pada satu-satu masa, galeri JKKN pula tidak boleh lebih 10 orang. Pentas dan ruang terbuka tidak boleh melebihi 20 orang dan kawalan keselamatan, pembersihan, sanitasi serta pendaftaran melalui aplikasi Mysejahtera (Rosli Osman, 2020).

Banyak organisasi dan syarikat produksi dalam sektor media, seni dan hiburan serta penggiat seni persendirian termasuk yang tidak formal dan jalanan mula menggunakan platform secara atas talian atau digital terutamanya media sosial (Laura, 2020). Ini sebagai suatu cara untuk memenuhi matlamat organisasi serta untuk mendapat atau mengekalkan audien mereka dalam tempoh perintah berkurung atau perintah kawalan pergerakan dan fasa selepasnya (Kajsa, 2020; Jason, 2020). Artis atau penggiat seni dari pelbagai cabang seni persembahan (tarian, muzik, drama, orkestra, teater dan lain-lain lagi) menggunakan inisiatif sendiri dengan mengadakan persembahan spontan secara langsung melalui akaun personal mereka (seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*). Disebabkan oleh keperluan terhadap penjarakan sosial maka banyak *venue* seni persembahan terpaksa ditutup yang turut menjejaskan aspek latihan, persiapan akhir dan persembahan di khalayak awam. Dalam sesetengah kes, contohnya Festival Edinburgh yang diadakan selepas Perang Dunia Ke-2 sebagai suatu cara untuk menyampaikan mesej perdamaian melalui seni persembahan, buat pertama kalinya dibatalkan sejak lebih 60 tahun

penganjurannya (The Sydney Morning Herald, 2020). Untuk itu, banyak institusi seni persembahan cuba untuk membuat adaptasi dengan menawarkan perkhidmatan secara digital. Perkhidmatan *streaming* muzik seperti SoundCloud, Spotify dan Bandcamp turut membuat sokongan kewangan ataupun pengecualian yuran untuk menyokong para penggiat seni (KEA, 2020) melalui kempen di Instagram dengan tanda palang “#ArtistSupportPledge” sebagai tanda sokongan.

### Aspek Kaedah Persembahan Seni Budaya Secara Digital (Online) Dengan Mengekalkan Prosedur Operasi Standard Sepanjang Pandemik COVID 2021

Pandemik Covid-19 membuatkan rakyat terpaksa hidup dalam norma baharu, ianya bermakna aktiviti harian tidak lagi boleh dijalankan seperti biasa (Izlaily Nurul Ain Hussein, 2021). Dengan itu, kerajaan telah mengeluarkan saranan untuk bekerja dari rumah (WFH) bagi mengekang penularan virus Covid-19. Keadaan ini mendorong orang ramai menjadi lebih kreatif dalam mengisi kebosanan dan ia mencetuskan pelbagai idea. Hal ini telah dilakukan oleh Yayasan Warisan Johor (YWI) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) Melaka dengan menerusi kolaborasi buat julung kalinya bagi mempersembahkan ‘Mesra Budaya 1.0’. Biarpun tidak bersua muka, mereka mempunyai usaha membuktikan seni dan budaya masih boleh dipersembahkan kepada umum walaupun PKP dilaksanakan. Menurut Sharil Nizam (2021), program yang dilakukan memberi ilmu kepada setiap penari untuk mempelajari bagaimana cara bekerjasama dan berkomunikasi secara maya. Terdapat enam video tarian gabungan telah disiarkan di laman sosial Facebook rasmi kedua-dua jabatan berkenaan selain di Youtube YWJ. Jenis tarian yang dipersembahkan adalah tarian tradisional Melayu seperti inang, zapin dan joget. Terdapat beberapa syarikat persembahan seni merekodkan persembahan melalui perbagai saluran media sosial (Jadual 1)

Jadual 1: Inisiatif dalam Keberkesanan Persembahan Seni Budaya untuk Persembahan Secara Atas Talian (Digital)

Syarikat Produksi	Jenis Persembahan	Hasil Karya	Medium Digunakan	Rujukan
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Sabah	Tarian, Muzik, nyanyian, lakonan, deklamasi puisi	Isnin hingga Jumaat (10 pagi hingga 11.30 pagi)	YouTube Facebook Live@JKKN	My Metro (2020)
Istana Budaya	Konsert New Normal, Teater Muzik Orkestra Tradisional Malaysia, Lambang Sari Series, Colours Of Malaysia, Teater Siti Alam Fantasi	Disiarkan pada 17 dan 18 Julai, 9 dan 10 Oktober, 12 Ogos, 21 Oktober, 11 November, 23 September, 16 Disember, 18 hingga 24 Disember	Instagram dan Facebook	BH Online (2020)
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara	Jom Belajar Seni Budaya Online	Disiarkan pada 18 Mac hingga 22 Jun 2020	Laman web persendirian	Kosmo (2020)

Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Melaka	Mesra Budaya 1.0 (Persembahan Tarian)	Disiarkan pada 22 Februari hingga 24 Februari 2021 dengan dua video setiap hari	Facebook & YouTube	Berita Terkini (2020)
Sadler's Wells Theatre	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Facebook & YouTube	Dance Magazine (2020b)
Alvin Ailey American Dance Theater	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Laman web persendirian	Dance Magazine (2020b)
Martha Graham Dance Company	Seni tarian	Disiarkan seminggu sekali	Youtube	Dance Magazine (2020b)

## Impak Penularan Pandemik COVID-19 terhadap Industri Media, Seni dan Hiburan

### (a) Isu kewangan dan pekerjaan

Disebabkan penutupan, pendapatan organisasi budaya yang bergantung kepada penjualan tiket dijangka mengalami kemerosotan yang teruk. Ia turut memberikan kesan secara langsung kepada staf organisasi dan syarikat produksi berkenaan termasuk penggiat seni profesional dan persendirian. Ini disebabkan kebanyakan penggiat seni yang terlibat dalam sektor budaya dan seni dalam ekonomi negara dicirikan dengan peratusan yang tinggi sebagai berkerja sendiri (Artnet News, 2020). Contoh lain, pada 20 Mac 2020, Syarikat produksi Cirque du Soleil telah memberhentikan 95% pekerjaannya dan menghentikan perjalanan persembahan sirkus di tujuh buah negara (Brendan, 2020). Beberapa contoh kes negara terpilih lain ialah Syarikat produksi Opera Australia – sebuah syarikat seni persembahan terbesar di negara ini – buat sementara memberhentikan hampir kesemua staf mereka dan berkemungkinan besar terpaksa menjual beberapa aset utama mereka untuk mengelakkan bankrap. Sehingga 23 Mac 2020, sebanyak 255,000 acara persembahan kebudayaan terpaksa dibatalkan dengan kehilangan penjana pendapatan sebanyak \$A280 juta (Jo, 2020). Selain itu, di Amerika Syarikat, pada akhir Mac 2020, syarikat produksi Metropolitan Opera dijangka kehilangan penjana pendapatan sebanyak US\$60 juta (Zachary, 2020). Di Malaysia, Agensi Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) menunjukkan 93% penggiat seni (termasuk kru) terjejas pendapatan akibat penangguhan projek atau pembatalan kontrak berkaitan seni dan lebih 30% responden menyatakan mereka mengalami kerugian mingguan lebih RM5,000 dan lebih 83% responden menyatakan kerisauan mereka dalam aspek penjana pendapatan masa depan (Mimi Salleh, 2020)

### (b) Bantuan kewangan

Dengan krisis kewangan yang semakin kritikal dan meluas merentasi pelbagai sektor ekonomi, banyak negara mengumumkan stimulus fiskal dan pakej untuk menyelamatkan ekonomi yang melibatkan sumber khusus untuk sektor media, seni dan hiburan. Berikut adalah dua contoh negara yang memperuntukkan pakej stimulus kewangan untuk industri hiburan mereka;

Australia: Pada bulan Mac 2020 lalu, satu *petition* telah dilancarkan melibatkan lebih 50 organisasi kebudayaan dan seni (termasuk badan terkemuka dari pelbagai cabang seni seperti muzik, tarian, seni visual, muzium, kumpulan seni orang Asal dan penulis) telah memohon pakej bantuan kewangan dengan nilai 2% dari \$111.7 bilion yang diperuntukkan untuk industri kreatif dan kebudayaan. Syarikat produksi Live Performance Australia, iaitu '*the advocacy body for the live performing industry*' secara berasingan memohon bantuan kewangan sebanyak \$850 juta untuk sektor mereka (NAVA, 2020).

United Kingdom: Majlis Kesenian England mengumumkan £160 juta disalurkan kepada organisasi kesenian. Ia termasuk £50 juta kepada organisasi yang belum pernah menerima sumbangan sebelum ini dan £20 juta untuk artis individu dan *freelance* (Artnet News, 2020).

Malaysia: Kerajaan memperuntukkan RM100 juta dalam bentuk kemudahan pembiayaan dan sokongan bantuan kewangan kepada golongan penggiat seni. Peruntukan tersebut meliputi insentif penghasilan karya dan kandungan digital, peluang pekerjaan, program peningkatan kemahiran dan caruman perlindungan di bawah Perkeso (Fareez Azman, 2021)

### **Kesimpulan**

Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia yang mula dikesan pada akhir bulan Januari 2020 lalu telah memaksa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang seterusnya dilanjutkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 18 Mac 2020 dan seterusnya dilanjutkan sehingga kini. Memandangkan pengalaman PKP ini adalah pertama kali bagi kebanyakan penduduk dan tempohnya yang panjang, ia didapati memberikan impak terhadap pelbagai sektor ekonomi negara. Salah satu sektor berkenaan adalah industri media, seni dan hiburan termasuklah persembahan seni tari. Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP didapati memberikan kesan yang mendalam terutamanya terhadap penggiat seni persembahan di negeri Sabah. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada persembahan tarian secara digital (online) dengan mengekalkan prosedur operasi standard dan cabaran yang akan dihadapi sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

### **Penghargaan**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Skim Dana Khas (SDK), 2020 bertajuk "Persembahan tarian di masa Pandemik Covid-19 secara digital (online) dengan mengekalkan prosedur operasi standard" Kod geran SDK0305-2020.

### **Rujukan**

- Fareez Azman (2021). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemulih-kerajaan-peruntuk-rm100-juta-kemudahan-pembiayaan-penggiat-seni-pm-305569>
- Izlaily Nurul Ain Hussein & Sharil Nizam Abdul Rahim (2021). <https://www.getaran.my/artikel/budaya/1792/festival-tarian-online-kaedah-baharu-martabat-seni-warisan>
- Jasmi Rasit (2020), <https://www.hmetro.com.my/rap/2020/12/650338/semarak-seni-budaya-norma-baharu>
- Mimi Salleh (2020) <https://www.cendana.com.my/library/our-library/lensa-seni/dunia-seni-dalam-talian-norma-baharu-atau-syok-sendiri>

- Rosli Osman (2020), <https://www.kosmo.com.my/2020/09/27/penggiat-seni-budaya-tidak-dilupa-semasa-pandemik/>
- The Sydney Morning Herald. (2020). Edinburgh festivals cancelled for first time since 1947. <https://www.smh.com.au/culture/theatre/edinburgh-festivals-cancelled-for-first-time-since-1947-2020-0402-p54gbo.html?btis>. Diakses pada 12 Jun 2020.
- Time Out. (2020). *The best theatre to watch online right now*. <https://www.timeout.com/theatre/best-streaming-theatre-shows-how-to-watch-online>. Diakses pada 8 Jun 2020.
- United Nation Conference on Trade and Development (UNCTAD). (2020). *Global trade impact of the coronavirus (Covid-19) epidemic*. 4 Mac 2020. <https://unctad.org>. Diakses pada 30 Mac 2020.
- Vogue France. (2020). *The Paris Opera is screening its performances online for free*. <https://www.vogue.fr/fashion-culture/article/paris-opera-broadcasting-screening-performances-online-for-free-2020>. Vogue France, 21 April 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- WhatsOnStage. (2020a). *Stage shows, musicals and opera you can watch online now for free*. [https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/stage-shows-musicals-opera-freestream-onlin-e\\_51198.html](https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/stage-shows-musicals-opera-freestream-onlin-e_51198.html). Diakses pada 8 Jun 2020.
- WhatsOnStage. (2020b). *West End confirms closure until at least August*. [https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/west-end-closure-august-covid-lockdown\\_51712.html](https://www.whatsonstage.com/london-theatre/news/west-end-closure-august-covid-lockdown_51712.html). WhatsOnStage, 3 June 2020. Diakses pada 10 Jun 2020.
- World Health Organization. (2011). The classical definition of a pandemic is not elusive. *Bull. World Health Organ.*, 89 (7), 540541.
- World Health Organization. (2020). *WHO | Novel Coronavirus – China*. 12 Jan 2020. <https://www.who.int/csr/don/12-january-2020-novel-coronavirus-china/en/>. Diakses pada 28 Mac 2020.
- World Health Organization. (2020b). *Coronavirus Update*. <https://www.worldometer.info>. Diakses pada 14 Jun 2020.
- Wu, Z. & McGoogan, J. M. (2020). Characteristics of and important lessons from the coronavirus-disease 2019 (COVID-19) outbreak in China: Summary of a report of 72 314 cases from the Chinese center for disease control and prevention. *JAMA*, February 24, 2020.
- Ying Liu, Albert, A. G., Annelies Wilder-Smith & Rocklöv, J (2020). The reproductive number of COVID19 is higher compared to SARS coronavirus. *Journal of Travel Medicine*, February 13, 2020.
- Zachary, W. (2020). Metropolitan Opera cancels season over virus and faces \$60 million loss. <https://www.nytimes.com/2020/03/19/arts/music/metropolitan-opera-coronavirus.html>. Diakses pada 10 Jun 2020.
- Zaiton Md Desa (2020) <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2020/08/717069/ovid-19-bawa-artis-istana-budaya-menari-di-pentas-digital>